



29 Jun 2013
29 June 2013
P.U. (A) 210

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM (AMAUN MINIMUM DANA MODAL) (ORANG YANG DILULUSKAN) 2013

*ISLAMIC FINANCIAL SERVICES (MINIMUM AMOUNT OF
CAPITAL FUNDS) (APPROVED PERSON) ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM (AMAUN MINIMUM DANA MODAL)
(ORANG YANG DILULUSKAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 12(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759], Bank Negara Malaysia membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perkhidmatan Kewangan Islam (Amaun Minimum Dana Modal) (Orang yang Diluluskan) 2013.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 30 Jun 2013.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“had dompet” ertinya nilai monetari maksimum yang boleh disimpan dalam suatu wang elektronik;

“liabiliti wang elektronik yang belum dijelaskan” ertinya—

(a) amaun wang elektronik belum digunakan yang telah dikeluarkan; dan

(b) amaun wang elektronik yang digunakan yang belum selesai dibayar kepada saudagar,

yang bagi maksud pengiraan dana modal minimum, pengiraan liabiliti ini hendaklah berdasarkan pada kadar purata bulanan liabiliti wang elektronik yang belum dijelaskan dalam enam bulan berturut-turut sebelumnya;

“skim wang elektronik besar” ertinya suatu skim wang elektronik dengan suatu had dompet melebihi dua ratus ringgit atau liabiliti wang elektronik yang belum dijelaskan untuk enam bulan berturut-turut berjumlah sehingga satu juta ringgit atau lebih;

“skim wang elektronik kecil” ertinya suatu skim wang elektronik dengan had dompet yang tidak melebihi dua ratus ringgit dan liabiliti wang elektronik yang belum dijelaskan yang kurang daripada satu juta ringgit.

Dana modal minimum

3. (1) Amaun minimum dana modal bagi orang yang diluluskan, selain broker takaful yang diluluskan, hendaklah mengikut amaun yang ditentukan dalam Jadual 1.

(2) Amaun minimum dana modal bagi broker takaful yang diluluskan hendaklah mengikut amaun yang ditentukan dalam Jadual 2.

Ketidakpakaian

4. Perintah ini tidak terpakai bagi orang yang diluluskan yang merupakan—

(a) orang berlesen di bawah Akta; dan

(b) suatu institusi yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*].